



MAJLIS BANDARAYA SEBERANG PERAI

TEKS UCAPAN
YBHG. DATO' AZHAR BIN HAJI ARSHAD
DATUK BANDAR SEBERANG PERAI

SEMPENA
MAJLIS PELANCARAN PENGUMPULAN BARANGAN
ELEKTRIK DAN ELEKTRONIK TERPAKAI ISI RUMAH
ANJURAN PERSATUAN UGAMA BUDDHA BUTTERWORTH

TARIKH / MASA / TEMPAT
21 APRIL 2024 (AHAD)
10.00 PAGI

**7156, TINGKAT MAK MANDIN 3
BUTTERWORTH**

Terima kasih Saudara / Saudari Pengacara Majlis

Yang Berhormat Tuan Chee Yeeh Keen

Adun Bagan Jermal

Yang Berhormat Puan Phee Syn Tze

Adun Sungai Puyu

Yang Berbahagia Dato' Seri Phee Boon Poh

Yang Berhormat Ahli-Ahli Majlis

Majlis Bandaraya Seberang Perai

Encik Phee Boon Chong

Pengerusi

Persatuan Ugama Buddha Butterworth

Encik Tan Gee Beng

Penyelia Kebajikan

Persatuan Ugama Buddha Butterworth

Encik Khor Cheng Sing

Pengerusi

Persatuan Kebajikan Sehati Sejiwa Pulau Pinang

Rakan-Rakan Media

Tuan-Tuan dan Puan-Puan yang dihormati sekalian

Bismillahir Rahmanir Rahim

Assalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh,

Selamat Pagi dan Salam Sejahtera,

1. Alhamdulillah, bersama-sama kita merafakkan rasa syukur kita ke hadrat Ilahi kerana dengan limpah perkenanNya, kita dapat berkumpul dalam **Program Pelancaran Pengumpulan Barangan Elektrik dan Elektronik Terpakai Isi Rumah** anjuran Persatuan Ugama Buddha Butterworth.
2. Terlebih dahulu saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada Persatuan Ugama Buddha Butterworth kerana sudi menjemput saya merasmikan Majlis Pelancaran Pengumpulan Barangan Elektrik dan Elektronik Terpakai Isi Rumah.
3. Tahniah dan Syabas! diucapkan kepada Persatuan Ugama Buddha Butterworth yang sudi menjalin kerjasama strategik dengan MBSP dalam usaha-usaha kitar semula secara khususnya dalam usaha mengumpul barangan elektrik dan elektronik terpakai isi rumah. Saya amat-amat mengharapkan agar kerjasama strategik ini dapat diteruskan dari semasa ke semasa dalam pelaksanaan pelbagai program MBSP di Seberang Perai.

4. Saya juga merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih kepada Yang Berhormat-Yang Berhormat, Yang Dihormati Ahli-Ahli Majlis MBSP, Pegawai dan Kakitangan MBSP, rakan-rakan media, wakil-wakil daripada Persatuan Kebajikan Sehati Sejiwa Pulau Pinang dan semua yang turut hadir bersama-sama bagi menjayakan majlis pada pagi ini.
5. Sisa elektrik dan elektronik atau singkatannya e-sisa atau *e-waste* merupakan sisa yang perlu dilupuskan dengan keadah yang betul kerana kandungan di dalam *e-waste* boleh mencemarkan alam.
6. Di Malaysia, e-sisa adalah produk-produk elektrik dan elektronik yang lama, rosak, lapuk atau tidak lagi diperlukan lagi. E-sisa isi rumah pula adalah perkakasan elektrik dan elektronik yang tidak lagi boleh atau ingin digunakan dan perlu dilupuskan seperti set televisyen lama, peti ais, telefon bimbit, komputer riba, pendingin hawa, mesin basuh, pemain VCD dan DVD, komputer, pengering rambut, projector, lampu kalimantang dan lain-lain
7. Secara umumnya terdapat dua punca utama e-sisa iaitu daripada industri dan isi rumah. Berdasarkan Akta Kualiti Alam Sekeliling (Sisa Berjadual) 2005, e-sisa hendaklah diurus sehingga tidak merbahaya sebelum dilupuskan ke ruang alam sekitar oleh kontraktor yang diberi

lesen oleh Jabatan Alam Sekitar dan dihantar ke premis yang ditetapkan sahaja. Walau bagaimanapun, peraturan yang dikuatkuasakan hanya digunakan untuk e-sisa yang dijana daripada industri tetapi tidak daripada isi rumah. Bagi e-sisa dari kawasan perumahan, belum wujud satu perundangan khusus yang mewajibkan isi rumah melupus sisa tersebut. Oleh itu, jelaslah keperluan mewujudkan pengurusan e-sisa mampan pada peringkat isi rumah adalah penting.

8. Pelupusan e-sisa dengan cara yang tidak betul akan menyebabkan implikasi negatif kepada alam sekitar dan juga manusia. Lambakan barangan elektrik dan elektronik yang banyak, akan menimbulkan isu seperti kesan kesihatan, hidupan dan pencemaran alam sekitar. E-sisa kini telah menjadi masalah di seluruh dunia. Semakin banyak barangan elektrik dan elektronik yang dihasilkan, semakin banyak juga e-sisa yang perlu dibuang atau diuruskan. Jika e-sisa dibuang tanpa menggunakan kaedah yang mesra alam seperti buang ke dalam sungai, ke tapak pelupusan, membakar secara sesuka hati atau diberikan kepada pihak yang tidak sepatutnya, e-sisa ini berupaya untuk membahayakan kehidupan, menjejaskan kesihatan kita dan menyebabkan kemerosotan kualiti alam sekitar.

9. Komponen di dalam e-sisa mengandungi bahan-bahan toksik dan berbahaya seperti merkuri, plumbum, kadmium, arsenik, bromin, berlium, dan pelbagai lagi yang akan meresap ke dalam bumi dan seterusnya sumber air serta mengancam hidupan akuatik dan manusia jika e-sisa tidak dilupuskan secara mesra alam. Komponen di dalam e-sisa juga mengandungi logam berharga seperti emas, perak, tembaga, platinum dan palladium yang mempunyai nilai kitar semula yang tinggi semula.

10. Antara cara terbaik melupuskan e-sisa adalah dengan mengitar semula. Dengan perkembangan teknologi, pelupusan e-sisa tidak lagi sukar. Terdapat banyak syarikat mesra alam di Malaysia yang mengkhusus dalam pelupusan e-sisa dan prosesnya dipermudahkan demi kebaikan masyarakat seluruhnya. Keberadaan peralatan elektronik apabila menjadi sisa juga bergantung kepada tingkah laku pengurusan e-sisa isi rumah seperti guna semula, derma dan kitar semula yang merupakan tiga amalan tingkah laku yang dapat mewujudkan pengurusan e-sisa secara mampan.

11. Barangan Elektrik dan Elektronik Terpakai dan sisa berbahaya telah muncul sebagai cabaran baru Pihak Berkuasa Tempatan dari segi pengumpulan dan pelupusan. Pada hakikatnya, barang-barang ini perlu dikendalikan secara berbeza dengan sampah domestik yang

lain kerana sifat sampah yang berbahaya. Oleh itu, masalah ini harus ditangani oleh MBSP untuk melaksanakan peraturan baru bagi memelihara alam sekitar. Pelan Tindakan yang telah digariskan MBSP untuk menangani Sisa Elektronik dan Sisa Merbahaya adalah:-

- i. Menyediakan pusat pengumpulan e-sisa agar sisa-sisa elektrik dan elektronik dibuang dengan betul di pusat pemprosesan yang dibenarkan.
- ii. Mengenalpasti syarikat swasta yang mampu melakukan usahasama dengan MBSP untuk melaksanakan aktiviti pemprosesan e-sisa.
- iii. Pelaksanaan tanggungjawab sosial korporat (CSR) dengan melibatkan pihak berkepentingan mengenai pelaksanaan CSR dalam menangani e-sisa di Seberang Perai.
- iv. Pelaksanaan *Extended Producer Responsibility* (EPR) dengan berkerjasama dengan syarikat swasta dalam pelaksanaan EPR di Seberang Perai.

12. Saya dimaklumkan bahawa matlamat utama Persatuan Ugama Buddha Butterworth menganjurkan program ini adalah untuk

- i. Mempromosi konsep 5R - *Rethink, reduce, reuse, repair, recycle*.
- ii. Memberi sokongan dan mempromosi kitar semula.

- iii. Mengalakkan penduduk persekitaran untuk mengumpul barangan elektrik dan elektronik di tempat kitar semula yang sedia ada.
- iv. Memperkenalkan barangan *upcycle* yang diperbuat daripada barang-barangan kitar semula.

13. Persatuan Ugama Buddha Butterworth akan melaksanakan pengumpulan e-sisa, iaitu sisa elektrik dan elektronik yang dihasilkan oleh isi rumah, terutamanya tiub lampu kalimantang dan diod pemancar cahaya (LED) yang telah lama dan tidak dapat digunakan lagi. Barangan elektrik dan elektronik ini mengandungi komponen seperti akumulator, suis raksa, kaca daripada tiub sinar katod dan kaca teraktif atau kapasitor bifenil terpoliklorin yang lain, atau yang dicemari dengan kadmium, raksa, plumbum, nikel, kromium, kuprum, litium, perak, mangan, atau bifenil terpoliklorin.

14. Secara umumnya, kebanyakan orang di kalangan masyarakat akan melupuskan lampu kalimantang di tapak pelupusan sampah domestik seperti tong komunal di tepi jalan. Kandungan bahan kimia yang terdapat pada lampu kalimantang boleh membahayakan kesihatan manusia. Oleh itu, MBSP memandang serius isu ini dan mengambil langkah yang lebih proaktif dengan menjalankan kutipan lampu kalimantang secara berpusat. Sebanyak 1,958 unit lampu kalimantang

telah dikutip pada tahun 2023 daripada 25 pusat pengumpulan lampu kalimantang di seluruh Seberang Perai, iaitu enam (6) pusat di Seberang Perai Utara, tiga belas pusat di Seberang Perai Tengah dan enam (6) pusat di Seberang Perai Selatan.

15. Kaedah pemungutan dan pelupusan lampu kalimantang yang diamalkan adalah:-

- i. Penduduk boleh menghantar e-sisa dan lampu kalimantang ke Pusat Kitar Semula yang disenaraikan.
- ii. Sisa lampu kalimantang hendaklah dibalut dengan kertas terlebih dahulu sebelum di masukkan ke dalam kotak simpanan yang disediakan di Pusat Kitar Semula.
- iii. Pengurusan Pusat Kitar Semula akan menghubungi Majlis untuk membuat kutipan sekiranya kotak tersebut telah penuh.
- iv. Lampu kalimantang yang dikumpulkan di setor penyimpanan akan dilupuskan menggunakan peruntukan MBSP.

16. Hari ini, sempena Pelancaran Pemungutan Barangan Elektrik dan Elektronik, MBSP berbesar hati menyumbangkan Tong Pengumpulan Lampu Kalimantan kepada Pusat Kitar Semula Persatuan Ugama Buddha Butterworth. Selain itu, Cycle Trend dengan kerjasama MBSP juga menyumbangkan Tong Pengumpulan Bateri Telefon Bimbit.

17. Diharap melalui program ini, warga Seberang Perai sentiasa berusaha secara berterusan bersama MBSP dalam merealisasikan penggunaan MBSP *Smart Consumption Model* bagi *Sustainable Development Goals 12 & 13* iaitu *Responsible Consumption & Production and Climate Action*, serta menekankan pendekatan secara holistik dalam pengurusan alam sekitar untuk mewujudkan sebuah bandaraya rendah karbon yang berdayahuni, dalam menzahirkan, “**Seberang Perai Resilient, Inklusif, Hijau Dan Kompetitif**”.
18. Dengan ucapan ***Bismillah****hirahmanirrahim*, saya merasmikan **Majlis Pelancaran Pengumpulan Barangan Elektrik dan Elektronik Terpakai Isi Rumah** anjuran Persatuan Ugama Buddha Butterworth

Sekian, terima kasih.

Wabillahi Taufik Wal Hidayah, Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.